



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN WARISAN NEGARA

# SIARAN MEDIA

---

## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN WARISAN NEGARA DAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

**16 Mac 2023** - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Universiti Awam Malaysia hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai tanda persetujuan untuk menjalinkan kerjasama strategik dan persefahaman dalam aspek penyelidikan, kepakaran, peralatan, pemeliharaan, pemuliharaan serta mempromosikan warisan negara bagi tempoh 4 tahun iaitu 2023 sehingga 2027.

MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Encik Mohamad Muda bin Bahadin, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Warisan Negara bersama dengan wakil-wakil daripada 11 buah Universiti Awam Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UniMAP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). MOU ini disaksikan oleh YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi.

MoU yang ditandatangani memberikan tumpuan kepada 7 skop kerjasama iaitu:-

- i. Mengadakan persidangan antarabangsa/ seminar/ simposium/ kursus pendek/ bengkel berkaitan warisan bagi tahun 2023 - 2027;
- ii. Penyediaan takwim perancangan penyelidikan warisan;
- iii. Bekerjasama dalam bidang penerbitan warisan yang bersesuaian;
- iv. Berkongsi kepakaran dalam bidang warisan;
- v. Perkongsian kemudahan bahan dan peralatan bagi tujuan pengajaran serta penyelidikan tertakluk kepada persetujuan Pihak-Pihak;
- vi. Pertukaran sangkutan penyelidikan antara Pihak-Pihak; dan
- vii. Mengadakan apa-apa bidang kerjasama lain yang berkaitan warisan sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak dari semasa ke semasa.

MoU yang ditandatangani diharap dapat meningkatkan komitmen dan kerjasama daripada Universiti Awam Malaysia dalam membantu JWN membentuk pelan pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang komprehensif serta efisien selaras dengan peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Kerjasama strategik ini juga berupaya meningkatkan kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat khususnya pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengenai khazanah warisan negara serta membudayakan perkongsian ilmu melalui penerbitan dan aktiviti promosi berkaitan warisan. Inisiatif-inisiatif ini juga diharap dapat memberikan impak positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

**Jabatan Warisan Negara**

**Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya**

Tel: 03-2612 7611/ 7612/ 7613

Website: [www.heritage.gov.my](http://www.heritage.gov.my) | Email: [info@heritage.gov.my](mailto:info@heritage.gov.my)